

Lelaki dipenjaras 30 tahun, 12 sebatan kerana edar kanabis

KUCHING: Mahkamah Tinggi di sini, semalam menjatuhkan hukuman penjara 30 tahun dan 12 sebatan ke atas seorang lelaki berusia 34 tahun yang didapati bersalah mengedar 590.05 gram dadah jenis kanabis pada Mac 2019.

Keputusan itu dibuat Pesuruhjaya Kehakiman Zaleha Mohd Yusuf Pan selepas mendapati tertuduh, Zul Akmal Jamaludin, gagal menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes yang dikemukakan pihak pendakwaan bagi kedua-dua pertuduhan dihadapinya.

"Selepas mendengar hujahan daripada kedua-dua pihak serta mempertimbangkan faktor-faktor rayuan pengurangan hukuman dikemukakan oleh peguam bela, faktor pemberat oleh pihak pendakwaan, umur tertuduh, kepentingan awam



KE PENJARA: Tertuduh (kiri) diiringi polis keluar dari kamar Mahkamah Tinggi, Kuching semalam setelah dijatuhkan hukuman.

yang perlu diutamakan, prinsip perundangan yang telah ditetapkan serta trend hukuman semasa, saya menjatuhkan hukuman berikut.

"Bagi pertuduhan pertama di bawah Seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952

dan boleh dihukum di bawah Subseksyen 39B(2) Akta sama, penjara 30 tahun berserta 12 sebatan.

"Sementara bagi pertuduhan kedua di bawah Seksyen 6 ADB 1952 dan boleh dihukum di bawah Subseksyen 6 Akta sama, penjara setahun," katanya ketika memberikan keputusan mengenai kes tersebut dalam prosiding, semalam.

Zaleha turut memerintahkan hukuman penjara berjalan serentak berkuat kuasa dari tarikh tertuduh ditangkap iaitu pada 19 Mac 2019.

Mengikut kedua-dua pertuduhan, tertuduh didakwa mengedar 589 gram kanabis dan 1.05 gram kanabis di sebuah rumah di Jalan Astana di sini pada 19 Mac 2019 sekitar jam 7.15 malam.

Lelaki dipenjara 30 tahun, 12 sebatan kerana edar kanabis

► Dari Muka 1

Terdahulu semasa prosiding, Timbalan Pendakwa Raya Aida Nurdiana memohon agar mahkamah menjatuhkan hukuman setimpal terhadap tertuduh.

Peguam Osman Ibrahim bagaimanapun memohon mahkamah mengambil kira kuantiti dadah yang terlibat

serta menegaskan bahawa tertuduh merupakan pesalah kali pertama.

Sehubungan itu, beliau bagi pihak anak guamnya merayu agar mahkamah menjatuhkan hukuman yang wajar dengan turut mengambil kira tempoh tahanan reman yang telah dilalui tertuduh, serta memohon agar hukuman pemenjaraan dijalankan secara serentak.